

International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 4(2), 2016: 83 - 92
(<http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-08>)

Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia

Extralinguistics Factors: Motivations in Second Language Learning among Foreign Students in 5 University of Malaysia

AYUNI MOHAMAD BAKARI & ROHAIDAH KAMARUDDIN

ABSTRAK

Penyelidikan mengenai hubungan tentang faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di universiti-universiti di Malaysia masih kurang. Menyedari hakikat ini, pengkaji telah menjalankan satu kajian terhadap faktor ekstralinguistik yang dominan dalam pembelajaran bahasa kedua. Penyelidik berminat untuk mengkaji motivasi sebagai salah satu faktor utama dalam ekstralinguistik. Sebagai kesinambungan daripada usaha-usaha ini, penyelidik cuba untuk menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa kedua. Sampel kajian terdiri daripada sekumpulan pelajar asing dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Universiti Sains Malaysia (USM). Jumlah 150 sampel adalah daripada 27 buah negara. Hasil daripada pemerhatian dan kajian lapangan menunjukkan bahawa pelajar asing memilih Soalan 5 sebagai pemboleh ubah motivasi intrinsik yang dominan. Apabila pelajar asing mempunyai masalah untuk memahami sesuatu di dalam kelas bahasa Melayu, mereka selalu bertanya kepada guru untuk meminta pertolongan. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pergantungan mereka terhadap guru adalah tinggi. Manakala, bagi motivasi ekstrinsik pula, pelajar memilih Soalan 11 sebagai pemboleh ubah yang dominan dalam motivasi. Bagi pelajar asing, belajar bahasa Melayu adalah penting kerana mereka berupaya untuk berinteraksi dengan lebih mudah dengan penutur jati bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar asing berada di tahap paling tinggi berbanding motivasi ekstrinsik.

Kata Kunci: Ekstralinguistik; bahasa kedua; motivasi; penutur asing

ABSTRACT

Research on the relationship of second language extralinguistic factors with Malay language achievement among foreign students at university in Malaysia is still deficient. Being aware of this fact, the researcher has conducted a study on dominant second language extralinguistic factors in learning a second language. Researchers are keen to study the motivation as one of the main factors in extralinguistic. As a continuation of these efforts, researchers are trying to analyze the most dominant factor in the intrinsic and extrinsic motivation in learning a second language. The sample consists of a group of foreign students from University Putra Malaysia, University Kebangsaan Malaysia, University Malaya, University Teknologi Malaysia and University Sains Malaysia. The total of 150 samples from 27 countries. The results of observations and field studies showed that foreign students choose Question 5 as the dominant intrinsic motivation variable. When foreign student have a problem understanding something in their Malay language class, they always ask their teacher for help. This indicates the level of their dependence on teachers is high. While, for extrinsic motivation, the student choose Question 11 as the dominant variable in motivation. For foreign students, studying Malay language is important because they will be able to interact more easily with native speaker of Malay language. Overall, intrinsic motivation among foreign students are in the highest level compared to extrinsic motivation.

Keywords: Extralinguistic; second language; motivation; foreign students

PENGENALAN

The Free Dictionary mentakrifkan kata 'ekstralinguistik' sebagai pengetahuan bersama yang diperlukan untuk memahami sesuatu percakapan atau sebutan. Manakala, menurut Schmidt (1991)

pula, ekstralinguistik merupakan situasi kebahasaan di luar lingkungan linguistik, akan tetapi dalam pembelajaran bahasa, unsur ekstralinguistik tetap diambil kira kerana dapat memberi maklumat tentang motivasi, emosi, sikap, personaliti dan yang seumpamanya, yang terbukti membantu seseorang

pelajar menguasai bahasa tertentu. Dalam kajian ini, dijangkakan bahawa motivasi dapat mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di lima buah universiti di Malaysia.

Isu-isu berkaitan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua mula mendapat perhatian para pengkaji pada tahun 1990-an. Berlaku banyak perbincangan dan perdebatan antara para sarjana mengenai motivasi dalam menguasai bahasa kedua. Akan tetapi, masing-masing mengakui bahawa motivasi memainkan peranan yang amat penting untuk menjamin kejayaan dalam menguasai bahasa kedua.

Menurut Ames & Ames (1989), motivasi ditakrifkan sebagai dorongan untuk mewujudkan tindakan serta mengekalkan niat bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Selain itu, ia merupakan satu elemen utama yang menentukan sejauh mana penglibatan peribadi, keaktifan, dan kejayaan dalam menguasai bahasa kedua (Oxford & Shearin 1994). Banyak hasil kajian mendapati bahawa elemen motivasi memberi sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua (Lightbown & Spada 1999). Antaranya ialah kajian Misnan Jemali (1999) yang merumuskan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab komunikasi. Kajian Siti Sukainah et al. (2014) pula mendapati bahawa sikap yang positif, motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang dapat menentukan kejayaan pelajar bahasa. Oleh itu, adalah sangat penting bagi kita untuk mengetahui faktor-faktor yang membentuk motivasi.

Motivasi terbentuk sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (multi factorial) dan tahapnya boleh berubah dari semasa ke semasa. Menurut Noels (2002), faktor yang membentuk motivasi terbahagi kepada dua kategori iaitu yang pertama ialah orientasi dalaman (intrinsic orientations) yang merujuk kepada kepuasan dan rasa seronok sama ada kerana pengembangan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman yang menggembirakan. Kedua ialah orientasi luaran (extrinsic orientations) yang berlaku disebabkan pulangan luaran seperti mendapat ijazah, pekerjaan, hadiah dan sebagainya. Ellis (1985), Julkunen (1989) dan Dornyei (1994) menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran, bahan pengajaran dan tugas individu boleh mempengaruhi motivasi pelajar terhadap bahasa kedua. Oxford and Shearin (1994) pula menyenaraikan enam

faktor yang memberi impak besar terhadap pembentukan motivasi iaitu sikap terhadap bahasa sasaran, kepercayaan diri, matlamat, penglibatan, persekitaran dan atribut diri. Abbas Pourhosein Gilakjani et al. (2012) menyifatkan bahawa faktor yang paling utama dalam pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (passion). Lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal pelajar merangkumi: memperkemas sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran; mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka; mempertingkatkan matlamat mereka; menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik (Pourhosein Gilakjani et al. 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut :

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu
2. Menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan pelajar asing yang dikaji.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan kumpulan pelajar asing di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Universiti Sains Malaysia (USM). Faktor ekstralinguistik B2 yang dikaji merangkumi pemboleh ubah motivasi terhadap pembelajaran B2. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik Attitude Motivation Battery Test (Robert C. Gardner 2005). Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar asing yang sedang belajar di UPM, UKM, UM, UTM dan USM. Penyelidik memanipulasi kajian tinjauan lapangan dengan menggunakan 1 set soal selidik, di samping pemerhatian dan nota catatan.

SOROTAN LITERATUR

KAJIAN TENTANG TEORI MOTIVASI ROBERT C. GARDNER (2005) DALAM ROHAIDAH (2012)

Motivasi ialah konsep yang telah didefinisikan dalam pelbagai cara dan dimensi oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang psikologi dan bidang disiplin saintifik yang lain. Oleh sebab itu, konsep motivasi mengandungi definisi yang bercerangguh. Dalam kajian Gardner (2005) beliau ada merujuk penemuan daripada kajian Keller (1983) menyatakan bahawa motivasi adalah pilihan yang dibuat oleh individu tentang pengalaman, matlamat serta usaha yang dilakukan untuk mencapai atau mengelak sesuatu tujuan.

Kebiasaan ciri penting seorang individu yang bermotivasi dapat dilihat menerusi matlamat masing-masing. Tidak dinafikan bahawa ramai orang mempunyai matlamat, tetapi tidak dapat dicapai kerana ketiadaan ciri-ciri yang membantu mereka mencapai matlamat tersebut. Hal ini kerana seorang individu yang bermotivasi bukan sahaja mempunyai matlamat, malah sanggup berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat tersebut. Mereka juga tidak mudah putus asa serta mempunyai semangat yang tinggi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, mereka juga menunjukkan minat yang tinggi serta menyukai aktiviti yang perlu dilalui sebelum matlamat tersebut dicapai. Individu yang bermotivasi tinggi juga mampu menjangka kejayaan masing-masing. Apabila berjaya, mereka menunjukkan tahap keyakinan diri yang tinggi. Mereka juga dilihat mempunyai motif atau sebab untuk setiap perlakuan mereka. Motivasi untuk mempelajari bahasa kedua bukan dibina dengan mudah kerana meliputi pelbagai aspek kognitif, afektif dan tingkah laku, serta keinginan luaran. Motivasi juga tidak boleh diukur dengan skala.

Ringkasnya, motivasi merupakan satu konsep yang luas meliputi ciri-ciri kognitif, afektif dan konatif. Semua ciri ini dapat diteliti dalam diri seorang individu yang bermotivasi. Seorang individu mungkin ingin mempelajari sesuatu bahasa atas sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan orientasi integratif atau instrumental tetapi ia perlu disertai dengan ciri-ciri motivasi. Seorang yang bermotivasi mempunyai sebab atau motif untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan serta tidak mudah putus asa. Mereka juga menunjukkan semangat yang tinggi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Daripada AMTB Gardner (2005), penyelidik telah memilih sebanyak lima belas item untuk ditandai oleh pelajar asing dari UPM, UKM, UTM, UM dan USM. Elemen-elemen dalam semua item ini penting untuk mengetahui kehadiran pemboleh ubah yang berikut:

- a. Minat dalam bahasa kedua.
- b. Intensiti Motivasi pelajar.
- c. Sikap dalam mempelajari bahasa kedua.
- d. Sikap terhadap penutur bahasa kedua.
- e. Orientasi Integratif.
- f. Kehendak dalam mempelajari bahasa kedua.
- g. Motivasi Instrumental.

Setiap item dijawab dengan menandakan salah satu daripada skala Likert yang disediakan, dari 1 hingga 6.

Hasil dapatan penyelidikan ini mendapati pelajar-pelajar ini dikira mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya. Mereka pasti berusaha untuk mencapai matlamat demi masa depan mereka.

KAJIAN TENTANG MOTIVASI

Motivasi merujuk kepada kecenderungan diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Saedah Siraj et al. (1996) mengatakan motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu matlamat. Motivasi juga dikatakan sebagai rancangan kejayaan bagi seseorang atau rangsangan mengelakkan diri daripada kegagalan. Aspek penting dalam motivasi ialah pelajar dapat melakukan sesuatu secara sukarela dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya. Pelajar juga rela melibatkan diri secara intensif dalam kegiatan ke arah matlamat dan bertahan untuk satu jangka masa demi memastikan matlamatnya tercapai. Dengan adanya motivasi, pelajar dapat mencapai kepuasan dan keseronokan dalam tugas pembelajaran serta menyedari akan kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, tanpa kesediaan belajar, pembelajaran tidak akan berlaku. Kesediaan belajar bergantung pada motivasi yang sesuai, maka motivasi adalah penting untuk menggerakkan pembelajaran. Setiap individu boleh dimotivasikan secara intrinsik atau ekstrinsik. Mengikut Deci Ryan (1985), manusia bermotivasi intrinsik apabila mereka mempunyai persepsi diri mereka berkebolehan dan boleh membuat

keputusan sendiri. Tingkah laku individu yang intrinsik dikawal dari dalam dirinya sendiri. Diri secara langsung tidak membenarkan orang lain atau peristiwa luar mempengaruhinya. Orang yang bermotivasi intrinsik menentukan matlamat dan berusaha mencapainya. Tiada paksaan dalam membuat sesuatu. Seandainya berlaku paksaan, maka persepsi akan menurun.

Orang yang bermotivasi ekstrinsik tidak menganggap diri mereka berkebolehan atau bijak membuat keputusan sendiri. Tingkah laku mereka biasanya dikawal oleh orang lain. Kadang-kadang mereka menyamakan diri mereka dengan orang yang lebih berkebolehan daripada mereka dengan tujuan mendapat faedah daripada kebolehan tersebut. Pelajar yang bermotivasi ekstrinsik selalu berfikir tentang pendapat guru jika kerja yang mereka lakukan tidak memuaskan. Tidak semua individu bermotivasi intrinsik atau ekstrinsik.

Azizi dan Jaafar Sidek (2006), menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi penegasan serta-merta kepada pelajarannya apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Penegasan ini boleh diberi dalam pelbagai bentuk seperti pujian, senyuman atau pun hadiah. Secara tidak langsung, ia dapat mempertingkatkan lagi aras motivasi serta prestasi pelajar-pelajarnya.

Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin (2009) membuat kajian tentang motivasi pelajar Malaysia untuk belajar B2. Soal selidik, analisis dokumen dan perbincangan kumpulan fokus digunakan untuk pengumpulan data. Lebih daripada 500 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA telah memberi maklum balas terhadap tinjauan berdasarkan soal selidik 16 item.

Dua penemuan menarik muncul daripada kajian Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin (2009). Pertama, pelajar-pelajar Malaysia sangat bermotivasi untuk mempelajari B2 atas sebab-sebab ekstrinsik dan intrinsik. Pelajar, sebagai contoh, melaporkan bahawa mereka belajar B2 atas sebab-sebab ekstrinsik seperti kerjaya masa depan mereka, untuk menjadikan mereka orang yang lebih berpengetahuan atau untuk memenuhi keperluan bergraduasi. Dapatan ini disokong oleh maklumat yang dikumpul daripada satu siri perbincangan

kumpulan fokus dengan tenaga pengajar B2 di dua universiti yang dikaji.

Dalam perbincangan kumpulan fokus, beberapa alasan telah diberi tentang populariti B2 dalam kalangan pelajar universiti. Mandarin, sebagai contoh amat popular dalam kalangan pelajar Melayu kerana penguasaan dalam bahasa Mandarin adalah satu nilai tambah apabila berurusan dengan ahli perniagaan di Malaysia yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pertuturan. Jepun, di sisi lain, adalah sangat popular dalam kalangan pelajar Cina kerana mereka memberi keutamaan bekerja di syarikat multinasional Jepun.

Dapatan daripada perbincangan kumpulan fokus menunjukkan bahawa bahasa Arab adalah sangat popular dalam kalangan pelajar Melayu kerana dua sebab. Pertama, bahasa Arab ialah bahasa al-Quran. Oleh itu, bahasa Arab dipelajari untuk memahami al-Quran. Kedua, terdapat peningkatan yang ketara dalam pelaburan langsung dari negara-negara di Timur Tengah yang membuka peluang luas untuk pekerjaan. Di samping itu, kemasukan beribu-ribu pelancong dari Timur Tengah berikutan pengeboman 11 September telah mewujudkan keperluan bagi siswazah untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dalam bahasa Arab dalam semua sektor yang berkaitan dengan pelancongan. Bahasa Eropah juga popular dalam kalangan pelajar. Menurut perbincangan kumpulan fokus, populariti bahasa-bahasa Eropah seperti Perancis dan Jerman adalah disebabkan oleh keperluan pelajar menggunakan istilah teknikal dan saintifik atau konsep dalam bidang yang berasaskan sains dan kejuruteraan.

Pelajar-pelajar Malaysia sama bermotivasi untuk mempelajari B2 atas sebab-sebab intrinsik. Hasil daripada kajian Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin (2009) menunjukkan bahawa pelajar dari kedua-dua universiti belajar B2 kerana mereka mahu bertemu dengan orang-orang yang berlainan budaya dan bahasa. Mereka mahu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti silang budaya, di samping menikmati pengalaman belajar B2. Hasil daripada perbincangan kumpulan fokus dengan tenaga pengajar bahasa menyokong penemuan ini. Perbincangan kumpulan fokus mendapati bahasa Korea dan Sepanyol semakin popular dalam kalangan pelajar universiti kerana siaran drama dan mini siri oleh televisyen tempatan. Pelajar terpicik bukan sahaja pada watak-watak dan plot cerita tetapi juga pada bahasanya.

Dalam perbincangan kumpulan fokus, pelajar mengutamakan mini siri yang menggunakan bahasa

Korea dan Sepanyol jika dibandingkan dengan mini siri yang dialih bahasa ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Pensyarah melaporkan bahawa pelajar melahirkan kekecewaan mereka terhadap beberapa mini siri Korea dan Sepanyol yang telah dialih bahasa ke dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Populariti mini siri Korea dan Sepanyol adalah selaras dengan penemuan bahawa pelajar berhasrat untuk memahami dan menghargai bahasa Korea dan Sepanyol, demikian juga budaya dan rakyat yang mendukung bahasa tersebut.

Dapatan kedua yang menarik dalam kajian ini adalah yang berkaitan dengan perbezaan motivasi pelajar Malaysia. Walaupun analisis menunjukkan bahawa pelajar UKM dan UiTM bermotivasi untuk mempelajari bahasa asing untuk sebab ekstrinsik dan intrinsik, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara min motivasi pelajar UKM dan UiTM. Pelajar UKM bermotivasi untuk mempelajari bahasa asing jauh lebih tinggi daripada pelajar UiTM atas sebab ekstrinsik, manakala pelajar UiTM lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa asing atas sebab intrinsik jauh lebih tinggi daripada pelajar UKM.

Berikut adalah sebab ekstrinsik yang menerangkan motivasi pelajar UKM untuk mempelajari B2:

1. Orang lain akan menghormati saya jika saya mempunyai pengetahuan bahasa Asing.
2. Kawan-kawan saya menggalakkan saya untuk mempelajari bahasa asing.
3. Pensyarah saya menggalakkan saya untuk mempelajari bahasa asing.
4. Saya perlu melengkapkan bahasa asing untuk keperluan bergraduasi.

Secara kontras, pelajar UiTM bermotivasi untuk mempelajari bahasa asing atas sebab intrinsik jauh lebih tinggi daripada pelajar UKM. Sebab intrinsik yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Saya benar-benar ingin belajar banyak bahasa kedua.
2. Belajar bahasa kedua adalah pengalaman yang menyeronokkan.
3. Adalah penting bagi semua orang untuk mempelajari bahasa kedua.
4. Jika saya melawat negara asing, saya ingin boleh bercakap dalam bahasa rakyat negara asing tersebut.

Kajian oleh Jerie dan Zamri (2010) bertajuk *Sikap dan Motivasi Murid Iban dalam Mempelajari*

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap dan motivasi antara murid Iban berdasarkan jantina serta sikap dan motivasi yang dimiliki ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di daerah Kanowit, Sarawak.

Hasil kajian ini mendapati murid-murid Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Mereka berminat untuk mempelajari bahasa Melayu kerana mereka suka untuk berkawan dengan murid-murid Melayu di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun murid-murid ini menunjukkan motivasi yang rendah ketika belajar bahasa Melayu dalam tempoh waktu yang lebih lama berbanding mata pelajaran lain. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan motivasi antara murid lelaki dengan murid perempuan.

Secara umumnya dari kajian ini pengkaji mendapati sikap murid Iban di sekolah rendah ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah positif. Hal ini menandakan bahawa penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di Sarawak adalah baik.

Pernyataan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nurul dan Azizi (2012) yang melihat hubungan motivasi pembelajaran dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Kulai, Johor. Kajian ini dijalankan ke atas 291 orang pelajar menggunakan instrumen soal selidik dan antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik serta untuk mengetahui hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, sikap dan pencapaian akademik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor matlamat mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu. Ini bermakna sekiranya seseorang itu mempunyai tahap motivasi yang tinggi, maka secara tidak langsung beliau akan berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Begitu juga dengan faktor pemberian gred bagi motivasi intrinsik. Peneguhan positif iaitu peristiwa yang menyebabkan kemajuan dalam pelajaran ataupun perubahan positif dapat menggalakkan minat pelajar untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan.

Kajian oleh Zaliza Mohamad Nasir (2014) pula dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu

sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif serta motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, faktor peranan tenaga pengajar juga turut menjadi motivasi kepada mereka untuk mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati faktor persekitaran tidak banyak membantu pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Masyarakat tempatan dilihat kurang selesa bertutur dengan mereka dalam bahasa Melayu. Keseluruhannya, pelajar asing mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya mereka mendapat dorongan dan panduan daripada individu berkaitan.

KAJIAN TENTANG BAHASA KEDUA

Satu kajian bertajuk “Antara Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia” telah dibuat oleh Ab. Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2006:9). Kajian ini cuba memaparkan hubungan antara minat dan sikap pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab terhadap bahasa Arab. Responden kajian terdiri daripada 130 orang pelajar yang mengambil pengkhususan Bahasa Arab di IPTA seperti UPM, UIA, UKM, UM dan KUIM.

Dapatan kajian merumuskan bahawa majoriti pelajar memang mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab tetapi mereka tidak menunjukkan sikap yang selari dengan pengkhususan dan minat mereka. Kajian mendapati kurang daripada separuh responden suka membaca akhbar, novel, cerpen dalam bahasa Arab atau mengakses maklumat Arab melalui internet. Selain itu, mereka juga terlalu kurang berinteraksi dengan pelajar Arab atau menggunakan bahasa Arab itu sendiri dalam pertuturan harian mereka. Ini menunjukkan bahawa budaya penggunaan bahasa Arab di kalangan mereka masih lagi di tahap minima lantaran sering dikaitkan dengan beberapa sikap negatif dalam diri seperti malu untuk bertutur, rasa rendah diri, tidak yakin, takutkan kesalahan dan takut diejek oleh rakan. Sikap seperti inilah yang menjadi halangan kepada mereka untuk mempraktikkan bahasa Arab dalam kehidupan seharian.

Manakala, menurut kajian Abdul Hakim Abdullah et al. (2014) iaitu *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan* pula mendapati bahawa terdapat lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar. Faktor tersebut secara turutan ialah : mata pelajaran Bahasa Arab adalah penting (79 orang/84.9%), persekitaran bahasa Arab yang kondusif (68 orang/73.1%), mata pelajaran ini mudah dipelajari dan difahami (65 orang/69.9%), kesedaran diri (64 orang/68.8%) dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (63 orang/67.7%). Manakala tiga faktor yang kurang mendapat persetujuan secara turutan ialah dorongan keluarga (54 orang/58%), pengaruh rakan sebaya (56 orang/60.2%) dan usaha yang saya sendiri lakukan (57 orang/61.3%). Dapatan kajian beliau memperlihatkan bahawa ketinggian tahap motivasi pelajar merupakan satu penyebab besar kepada kemajuan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab di sekolah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan di mana data dikumpul melalui instrumen soal selidik. Data yang dikumpul adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu serta menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan pelajar asing yang dikaji. Responden kajian terdiri daripada 150 orang pelajar asing yang mengikuti subjek Bahasa Melayu di UPM, UM, UKM, UTM dan USM. Responden merupakan pelajar yang datang dari pelbagai negara dan mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza.

Soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan latar belakang responden, bahagian B berkaitan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu yang mengandungi 5 soalan dan bahagian C soal selidik adalah berkaitan motivasi pelajar terhadap subjek bahasa Melayu yang mengandungi 15 soalan. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada aspek motivasi pelajar yang paling dominan terhadap pembelajaran bahasa Melayu di lima buah universiti di Malaysia

DAPATAN KAJIAN

MOTIVASI INTRINSIK

Dapatan kajian mengenai analisis item-item pendekatan motivasi intrinsik dalam pembelajaran Bahasa Melayu disenaraikan dalam Jadual 1.



RAJAH 1. Peratusan Motivasi Intrinsik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Dalam kajian ini, motivasi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Jadual 1 menunjukkan peratusan bagi item yang berkenaan dengan motivasi intrinsik iaitu item 1 hingga item 7. Berdasarkan kajian, lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi intrinsik pelajar secara turutan ialah : Apabila saya mempunyai masalah memahami sesuatu di dalam kelas Bahasa Melayu, saya selalu bertanya kepada guru saya untuk mendapatkan bantuan (130 orang / 86.67 %), Saya harap saya boleh bercakap bahasa Melayu dengan sempurna (128 orang/ 85.33 %), Saya benar-benar ingin belajar bahasa Melayu (124 orang/ 82.67 %), Saya cuba membuat satu titik untuk memahami semua bahasa Melayu yang saya lihat dan dengar (122 orang/ 81.33 %) dan

JADUAL 1. Motivasi Intrinsik

No. Item	Penyataan	Tidak setuju (%)	Setuju (%)
1.	I wish I could speak Malay languages perfectly (<i>Saya harap saya boleh bercakap bahasa Melayu dengan sempurna</i>)	14.67	85.33
2.	I wish I could read newspaper and magazines in Malay languages (<i>Saya harap saya boleh membaca akhbar dan majalah dalam bahasa Melayu</i>)	22.67	77.33
3.	I would really like to learn Malay languages (<i>Saya benar-benar ingin belajar bahasa Melayu</i>)	17.33	82.67
4.	I make a point of trying to understand all the Malay language I see and hear (<i>Saya cuba membuat satu titik untuk memahami semua bahasa Melayu yang saya lihat dan dengar</i>)	18.67	81.33
5.	When I have a problem understanding something in my Malay language class, I always ask my teacher for help (<i>Apabila saya mempunyai masalah memahami sesuatu di dalam kelas Bahasa Melayu, saya selalu bertanya kepada guru saya untuk mendapatkan bantuan</i>)	13.33	86.67
6.	I really work hard to learn Malay language (<i>Saya benar-benar bekerja keras untuk belajar bahasa Melayu</i>)	21.33	78.67
7.	Learning Malay language is really great (<i>Pembelajaran bahasa Melayu adalah benar-benar hebat</i>)	18.67	81.33

pembelajaran bahasa Melayu adalah benar-benar hebat (122 orang/ 81.33 %). Manakala dua faktor yang kurang mendapat persetujuan secara turutan ialah Saya benar-benar bekerja keras untuk belajar bahasa Melayu (118 orang/ 78.67 %) dan Saya harap saya boleh membaca akhbar dan majalah dalam bahasa Melayu (116 orang/ 77.33 %).

Secara keseluruhannya, faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik ialah item 5 iaitu *Apabila saya mempunyai masalah memahami sesuatu di dalam kelas Bahasa Melayu, saya selalu*

bertanya kepada guru saya untuk mendapatkan bantuan. Sebanyak 86.67% pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Daripada pernyataan ini, dapat dilihat bahawa tahap pergantungan pelajar terhadap guru adalah tinggi kerana mereka menginginkan kejayaan yang cemerlang. Kebanyakan daripada mereka takut untuk melakukan kesalahan. Oleh sebab itulah mereka memerlukan tunjuk ajar daripada guru supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama lagi selepas ini dan dapat memperbaiki kekurangan mereka dari semasa ke


semasa. Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian Azizi dan Jaafar (2006) yang mengatakan guru perlu sentiasa memberi penegasan positif kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Selain itu, hasil kajian oleh Zaliza Mohamad Nasir (2014) juga mendapati faktor peranan tenaga pengajar turut menjadi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Teknik penyampaian dan strategi yang digunakan oleh tenaga pengajar mampu menarik minat pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian oleh Mardian dan Marniyati (2011) yang menyatakan bahawa guru memainkan peranan penting dalam menentukan proses pembelajaran bahasa berjalan dalam suasana yang kondusif dan efektif. Selain itu, kriteria semula jadi yang perlu ada pada guru sebagai penyampai dalam kelas bahasa adalah penting untuk pembelajaran penutur asing tersebut.

Selain itu, faktor kedua dominan bagi motivasi ini ialah daripada item 1 iaitu *Saya harap saya boleh bercakap bahasa Melayu dengan sempurna*. Data menunjukkan 85.33 % pelajar berharap mereka dapat bertutur bahasa Melayu sepenuhnya. Hal ini kerana mereka tidak mahu melakukan kesilapan

semasa belajar di dalam kelas serta menjawab peperiksaan. Kebanyakan dari mereka terdiri daripada orang Arab dan mereka ialah bangsa yang takut akan kegagalan kerana bagi mereka apabila gagal, mereka adalah seorang yang lemah.

MOTIVASI EKSTRINSIK

Dapatan kajian mengenai tinjauan terhadap motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran Bahasa Melayu disenaraikan dalam Jadual 2 seperti berikut:



RAJAH 2. Peratusan Motivasi Ekstrinsik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

JADUAL 2. Motivasi Ekstrinsik

No. Item	Penyataan	Tidak setuju (%)	Setuju (%)
8.	I plan to learn Malay language as much as possible (<i>Saya bercadang untuk belajar bahasa Melayu sebanyak yang mungkin</i>)	18.67	81.33
9.	Most native Malay language speakers are so friendly and easy to get along, we are fortunate to have them as friends (<i>Kebanyakan penutur jati bahasa Melayu begitu mesra dan mudah bergaul, kami bernasib baik kerana mempunyai mereka sebagai kawan</i>)	26.00	74.00
10.	Studying Malay language is important because it will enable me to better understand and appreciate the way of life of the Malays (<i>Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana ia akan membolehkan saya untuk lebih memahami dan menghargai cara hidup orang Melayu</i>)	17.33	82.67
11.	Studying Malay language is important because I will be able to interact more easily with speakers of Malay language (<i>Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana saya akan dapat berinteraksi dengan lebih mudah dengan penutur bahasa Melayu</i>)	16.00	84.00
12.	I have a strong desire to know all aspects of Malay language (<i>Saya mempunyai keinginan yang kuat untuk tahu semua aspek bahasa Melayu</i>)	24.00	76.00
13.	I wish I were fluent in Malay language (<i>Saya harap saya fasih berbahasa Melayu</i>)	22.00	78.00
14.	Studying Malay language is important because it will make me more educated (<i>Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana ia akan membuatkan saya lebih berpendidikan</i>)	23.33	76.67
15.	Studying Malay language is important because other people will respect me more if I know Malay language (<i>Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya jika saya tahu bahasa Melayu</i>)	23.33	76.67

Jadual 2 menunjukkan peratusan bagi item yang berkenaan dengan motivasi ekstrinsik iaitu item 8 hingga item 15. Berdasarkan kajian, enam faktor yang paling mempengaruhi motivasi ekstrinsik pelajar secara turutan ialah : Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana saya akan dapat berinteraksi dengan lebih mudah dengan penutur bahasa Melayu (126 orang / 84.00 %), Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana ia akan membolehkan saya untuk lebih memahami dan menghargai cara hidup orang Melayu (124 orang/ 82.67 %), Saya bercadang untuk belajar bahasa Melayu sebanyak yang mungkin (122 orang/ 81.33 %), Saya harap saya fasih berbahasa Melayu (117 orang/ 78.00 %), Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana ia akan membuatkan saya lebih berpendidikan (115 orang/ 76.67 %) dan Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya jika saya tahu bahasa Melayu (115 orang/ 76.67 %). Manakala dua faktor yang kurang mendapat persetujuan secara turutan ialah Saya mempunyai keinginan yang kuat untuk tahu semua aspek bahasa Melayu (114 orang/ 76.00 %) dan kebanyakan penutur jati bahasa Melayu begitu mesra dan mudah bergaul, kami bernasib baik kerana mempunyai mereka sebagai kawan (111 orang/ 74.00 %).

Secara keseluruhannya, faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik ialah item 11 iaitu, *Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana saya akan dapat berinteraksi dengan lebih mudah dengan penutur bahasa Melayu*. Pernyataan ini dipersetujui oleh 84.00 % daripada keseluruhan pelajar asing. Pada pendapat pengkaji, apabila pelajar asing dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, maka lebih mudahlah untuk mereka bertanya atau meminta pertolongan daripada rakan-rakan berbangsa Melayu terutamanya berkaitan pembelajaran.

Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Zaliza Mohamad Nasir (2014) iaitu, faktor yang mendorong serta memotivasikan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu adalah dengan menguasai bahasa Melayu ianya dapat membantu pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Hasil kajian beliau disokong oleh Jerie dan Zamri (2010) yang mendapati bahawa murid-murid Iban berminat untuk belajar bahasa Melayu kerana mereka ingin berkawan dan berkomunikasi dengan murid-murid Melayu di sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa motivasi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Berdasarkan kajian, antara faktor yang paling mempengaruhi motivasi intrinsik pelajar ialah: *Apabila saya mempunyai masalah memahami sesuatu di dalam kelas Bahasa Melayu, saya selalu bertanya kepada guru saya untuk mendapatkan bantuan*. Sebanyak 86.67 % pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pergantungan mereka terhadap guru adalah tinggi.

Manakala, faktor yang paling mempengaruhi motivasi ekstrinsik pelajar asing pula ialah : *Belajar bahasa Melayu adalah penting kerana saya akan dapat berinteraksi dengan lebih mudah dengan penutur bahasa Melayu*. Pernyataan ini dipersetujui oleh 84.00 % daripada keseluruhan pelajar asing dan pengkaji berpendapat apabila pelajar asing dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, maka lebih mudahlah untuk mereka bertanya atau meminta pertolongan daripada pelajar berbangsa Melayu terutamanya berkaitan dengan pembelajaran. Kesimpulannya, motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar asing dalam pembelajaran bahasa kedua berada pada tahap yang tinggi berbanding motivasi ekstrinsik.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah et al. 2014. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Ab.Halim Mohamad dan Wan Mohammad Wan Sulong. 2006. Antara minat dan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab: Satu kajian ke atas pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Dim. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5*, 9-18. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong & Narjes Banou Sabouri. 2012. A Study on the role of motivation in foreign language learning and teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science* 7: 9-16.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation to Learn Foreign Language in Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 9(2): 73-87.
- Ames, C. & Ames, R. 1989. *Research in Motivation in Education*. San Diego: Academic Press.
- Azizi dan Jaafar Sidek. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Crookes, G. & Schmidt, R. W. 1991. Motivation: Reopening the research agenda. *Language Learning* 41(4): 469-512.
- Deci, E & Ryan, R. 1985. *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York: Plenum Press.
- Dornyei, Z. 1994. Motivation and motivating in the foreign language classroom. *Modern Language Journal* 78: 273-284.
- Ellis, R. 1985. *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R.C. 2001. Language Learning Motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education* 6: 1-18.
- Gardner, R.C. 2005. Integrative Motivation and Second Language Acquisition. *Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk*. London, Canada: The University of Western Ontario.
- Jerie anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 13-25.
- Julkunen, K. 1989. *Situation and Task- Specific Motivation in Foreign Language Learning and Teaching*. Finland: University of Joensuu Press.
- Keller, J. M. 1983. Motivational Design of Instruction. In *Instructional Design Theories and Models*, edited by C. M. Reigeluth, 386-433. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Lightbown, P.M. & Spada, N. 1999. *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Mardian Shah Omar dan Marniyati Mohd. Nor. 2011. Meningkatkan dan Memperkasa Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Misnan Jemali. 1999. Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noels, K. A. 2002. New Orientations in Language Learning Motivation: Towards a Model of Intrinsic, Extrinsic and Integrative Orientations and Motivation. Dlm. *Motivation and Second Language Acquisition*, disunting oleh Dornyei, Z. & Richards, S., 43-68. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya. 2012. Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling* 5: 30-57.
- Oxford, R. L. 1994. Where are we regarding language learning motivation? *Modern Language Journal* 78: 512-515.
- Oxford, R. L. and Shearin, J. 1994. Language learning motivation: expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal* 78:12-28.
- Rohaidah Kamaruddin. 2012. Hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Saedah Siraj, Zainu Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar. 1996. *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. 2014. Attitudes and motivation towards learning english among FELDA school students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 8 (5): 1-8.
- The Free Dictionary diambil daripada <http://www.thefreedictionary.com/>
- Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 134: 408-415.

Ayuni Mohamad Bakari
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 Upm, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: unie_arisya90@yahoo.com

Rohaidah Kamaruddin, Ph. D.
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: rohaidah_k@upm.edu.my

Diserahkan: 10 September 2015
Diterima: 14 Mac 2016